

## ABSTRAK

Alat "vacuum spark" merupakan salah satu alat plasma denyutan mudah yang boleh digunakan untuk menghasilkan sinar-x keras dan lembut. Walaubagaimanapun, mekanisma penghasilan sinar-x ini masih belum diketahui sepenuhnya.

Di dalam tesis ini, kajian-kajian kamilan-masa dan kerbeda-masa ke atas sinar-x yang dihasilkan dari alat "vacuum spark" telah dijalankan. Kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Pada mulanya, pelbagai konfigurasi elektrod digunakan untuk menentukan konfigurasi yang dapat menampung voltan pengecasan dan menghasilkan sinar-x yang berkeamatan tinggi bila didiscaskan. Bagi tujuan ini, nilai voltan pengecasan ini ditetapkan pada 20 kV kerana bagi voltan pengecasan kurang daripada 15 kV hanya sedikit atau tiada langsung sinar-x yang dihasilkan. Didapati bahawa konfigurasi elektrod yang sesuai adalah dengan katod berdiameter 4 mm dan jarak pemisahan anod-katod sebanyak 2 mm.

Dengan menggunakan konfigurasi elektrod ini, parameter-parameter plasma ditentukan dengan teknik "foil absorption". Suhu elektron dan diameter 'hot spot' dianggarkan di antara 2.0 - 2.8 keV dan 100 - 200  $\mu\text{m}$ , masing-masing. Dengan menggunakan nilai-nilai ini dan keluaran isyarat diod PIN, maka ketumpatan elektron dianggarkan bernilai antara  $4.7 \times 10^{20}$  -  $1.1 \times 10^{21}$   $\text{cm}^3$ . Jumlah kuasa sinaran dan jumlah tenaga sinaran 'hot spot' juga dihitung dan didapati bernilai  $(4.0 - 6.2) \times 10^5$  W dan  $(2.9 - 5.6) \times 10^{-3}$  J, masing-masing.

## ABSTRACT

The vacuum spark is a simple pulsed plasma device capable of producing intense bursts of soft and hard x-rays. However, the mechanisms leading to the production of these intense x-ray bursts are still not completely understood.

In this thesis, time-resolved and time-integrated x-ray studies have been carried out on an electron beam initiated hollow cathode vacuum spark. The studies are divided into two parts. First, various electrode configurations are employed to determine the configuration that can withstand the charging voltage and produce intense emission of x-rays consistently when initiated to breakdown. The charging voltage is set at 20 kV since for charging voltages of less than 15 kV there are either little or no emission of x-rays. The electrode configuration that satisfies these requirements is that with cathode aperture of 4 mm and anode-cathode gap of 2 mm.

The plasma parameters obtained using this setup are estimated by the foil absorption technique. The electron temperature and hot spot diameter are estimated to be 2.0 - 2.8 keV and 100 - 200  $\mu\text{m}$ , respectively. Using these values and the PIN diode output, the electron density is estimated to be between  $4.7 \times 10^{20}$  -  $1.1 \times 10^{21} \text{ cm}^{-3}$ . The total emission power and total emission energy of the hot spot are calculated, which are  $(4.0 - 6.2) \times 10^5 \text{ W}$  and  $(2.9 - 5.6) \times 10^{-3} \text{ J}$ , respectively.